

**TEKS UCAPAN YB DATUK ROSNAH RASHID SHIRLIN  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMINAR MEMPERKASA  
KONTRAKTOR BUMIPUTERA PADA 18 MAC 2014  
(SELASA) DI DEWAN BESAR, SEKOLAH MENENGAH  
AGAMA PERSEKUTUAN KAJANG, SELANGOR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

(salutasi)

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bersempena Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputra anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan kerjasama Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Negeri Selangor. Di kesempatan ini juga saya memohon agar para hadirin dapat sama-sama mendoakan kesejahteraan anak-anak kapal dan penumpang pesawat MH370 yang masih belum kita temui.

Jutaan terima kasih, dan tahniah saya ucapkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Negeri Selangor yang telah berganding bahu dalam memastikan kelancaran seminar ini terlaksana dengan jayanya. Saya amat berharap semangat kesepakatan dan kerjasama ini wajar diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu agar kita terus dapat memberikan khidmat yang terbaik untuk rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kontraktor yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menyertai seminar pada kali ini. Ini mencerminkan komitmen tuan/puan untuk terus memajukan diri sendiri dan lebih bersedia untuk bergerak selari dengan perubahan persekitaran yang semakin pantas. Saya percaya, seminar sebegini dapat memberikan ilmu pengetahuan kepada tuan/puan dan seterusnya membantu dalam operasi harian syarikat. Di samping itu, ia dapat memberi peluang dan ruang

kepada kontraktor untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan di antara satu sama lain.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan,

Alhamdulillah, seperti yang dirancangkan seminar hari ini telah berjaya mengumpulkan seramai 250 orang kontraktor Bumiputera. Pada asasnya, seminar ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada syarikat dalam urusan mendapatkan pengiktirafan Taraf Bumiputera. Selain itu, seminar ini juga bertujuan mendedahkan para peserta dengan aspek inspektorat dan penguatkuasaan selain elemen integriti yang perlu disemai dalam syarikat tuan/puan dalam menjalankan operasi harian.

PKK dengan kerjasama PKMM dan lain-lain NGO akan terus melaksanakan program-program seperti ini pada masa hadapan. Ini adalah satu pendekatan pengukuhan kapasiti Kontraktor Bumiputera yang selaras dengan hasrat kerajaan untuk '*Merakyatkan Perkhidmatan Awam*' dan memperkasakan Agenda Bumiputera.

Para hadirin sekalian,

Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Kerja Raya juga telah merangka pelbagai program untuk memperkasa kontraktor bumiputera bagi tahun 2014 ini seperti **Program Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi**, iaitu sebuah program yang bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan data sebagai rujukan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan bagi mendapatkan senarai kontraktor bumiputera yang berprestasi tinggi. Pengkalan data ini diharapkan dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan masalah projek sakit dan seterusnya dapat menggalakkan percambahan kontraktor bumiputera yang berdaya saing. Program ini adalah secara sukarela di mana kontraktor – kontraktor bumiputera yang berminat boleh memohon kepada PKK untuk menyertai program ini.

Pihak PKK turut memperkenalkan **Program Inspektorat Taraf Bumiputera** yang bertujuan untuk membuat pengauditan terhadap kontraktor bumiputera yang telah mendapat sijil taraf bumiputera bagi memastikan tiada penyelewengan dan

penyalah gunaan taraf bumiputera berlaku dalam kalangan kontraktor bumiputera terutamanya yang mendapat projek-projek kerajaan. Pihak Kerajaan tidak mahu amalan – amalan negatif seperti syarikat kontraktor bukan bumiputera menggunakan lesen – lesen kontraktor bumiputera untuk mendapatkan projek kerajaan terus berlaku di peringkat akar umbi.

*Hadirin sekalian,*

*Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf peranan serta sumbangan para kontraktor Bumiputera dalam industri pembinaan untuk pembangunan negara. Kerajaan faham dan merasai denyut nadi kontraktor bumiputera. Segala keluh kesah dan permasalahan yang timbul baik dari segi bahan binaan hingga kepada pengagihan projek kepada kontraktor Bumiputera terus mendapat perhatian yang sewajarnya. Kerajaan Pusat yang memerintah hari ini merupakan kerajaan yang cukup prihatin kepada rakyat. Pihak kerajaan sentiasa mendengar susah payah rakyat di setiap lapisan, di serata*

*pelosok Negara. Kerajaan Pusat merupakan kerajaan yang sentiasa berusaha melakukan yang terbaik demi memastikan rakyatnya mendapat masa depan yang terbaik. Pihak kerajaan sentiasa peka terhadap segala permasalahan yang diutarakan dan pihak kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan dan kebijakan rakyat didahulukan bukanlah kepentingan individu mahupun seorang pemimpin. Kerajaan ini berjanji, janjinya ditepati. Kerajaan ini berkata, katanya di kota. Percayalah kepada yang telah membuktikan dengan segala kemajuan dan pembangunan, yang mengutama segala kebijakan dan yang prihatin membela masa depan. Bukan pilih mereka yang hanya sekadar memberi harapan, memenuhi impian seorang yang mahu menjadi tuan, yang khianat amanah rakyat memilih. Pilihan ini bukan paksaan, tetapi semoga tuan-tuan dan puan – puan tepat membuat pilihan demi kemajuan, pembangunan dan masa depan.*

Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahhirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputera anjuran PKK dengan kerjasama PKMM Negeri Selangor pada hari ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*